

**D.R. 39/90**

**Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen 1980.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pencen (Pindaan) 1990. Tajuk ringkas
2. Akta Pencen 1980, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 6 seksyen baru 6A yang berikut: Seksyen baru 6A. Akta 227.

"Pelaksanaan opsyen. 6A. (1) Seseorang pegawai yang dilantik pada atau selepas mula berkuatkuasanya seksyen ini hendaklah, sebelum disahkan dalam jawatannya, berhak untuk memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

(2) Opsyen di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat kepada pihak berkuasa melantik yang berkenaan mengikut sesuatu cara yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

(3) Pelaksanaan opsyen oleh seseorang pegawai di bawah seksyen ini hendaklah mula berkuatkuasa pada masa dia disahkan dalam jawatannya dan hendaklah pada ketika itu menjadi muktamad.

(4) Apabila seseorang pegawai memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, peruntukan-peruntukan Akta ini, kecuali seksyen ini, tidaklah terpakai bagi pegawai sedemikian.

(5) Seseorang pegawai yang memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja hendaklah bersara daripada perkhidmatan awam apabila mencapai umur lima puluh iima tahun.

(6) Yang di-Pertuan Agong, berkenaan dengan pegawai persekutuan atau pegawai persekutuan tempatan, atau Pihak Berkuasa Negeri, berkenaan dengan pegawai negeri, boleh menghendaki seseorang pegawai yang memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja supaya bersara daripada perkhidmatan awam dalam mana-mana hal-keadaan yang disebut dalam perenggan (a), (b), (c), (d), (e) dan (f) subseksyen (5) seksyen 10.

Akta 272

(7) Dalam seksyen ini "Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja" merujuk kepada suatu Kumpulan Wang Simpanan yang ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951, termasuk sesuatu kumpulan wang yang ditetapkan oleh Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di bawah seksyen 16 Akta itu sebagai suatu kumpulan wang yang diluluskan."

Pindaan  
seksyen 8.

### 3. Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda —

- (a) dengan memotong perkataan "atau" di akhir perenggan (a);
- (b) dengan menggantikan noktah di akhir perenggan (b) dengan perkataan-perkataan "; atau"; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (b), perenggan (c) baru yang berikut:

"(c) seseorang pekerja berpencen di bawah Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang ditukar tetap secara lantikan ke perkhidmatan awam."

## 4. Seksyen 10 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 10.

- (a) dengan memotong perkataan "atau" di akhir perenggan (d) subseksyen (5);
- (b) dengan menggantikan noktah di akhir perenggan (e) subseksyen (5) dengan perkataan-perkataan "; atau";
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (e) subseksyen (5), perenggan (f) baru yang berikut:

"(f) atas alasan bahawa pegawai itu telah, bagi maksud perantikannya ke perkhidmatan awam—

- (i) membuat apa-apa pernyataan atau memberi apa-apa maklumat, sama ada secara lisan atau secara bertulis, sama ada bersumpah atau selainnya; atau

- (ii) membekalkan apa-apa dokumen,

yang adalah palsu, silap, tak tepat, tak lengkap, atau mengelirukan atau mungkin mengelirukan, dan perantikannya ke perkhidmatan awam telah dibuat sebahagiannya atau keseluruhannya dengan bersandarkan atas pernyataan, maklumat atau dokumen itu:

Dengan syarat bahawa persaraan itu di bawah perenggan ini tidaklah boleh dilaksanakan melainkan pegawai itu telah diberi peluang yang munasabah untuk membuat representasi ke atasnya kepada Yang di-Pertua Agong atau Pihak Berkuasa Negeri, mengikut mana yang berkenaan."; dan

- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (5), subseksyen baru (6) yang berikut:

"(6) Perenggan (f) subseksyen (5) hendaklah terpakai hanya bagi pegawai-pegawai yang

dilantik ke perkhidmatan awam selepas mula berkuatkuasanya subseksyen ini."

Penggantian  
seksyen 12.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 12 dengan yang berikut:

"Persaraan  
pilihan.

12. (1) Yang di-Pertuan Agong, berkenaan dengan pegawai selain daripada pegawai negeri, atau Pihak Berkuasa Negeri, berkenaan dengan pegawai negeri, boleh, atas permohonan pegawai itu, memberi persetujuan tentang persaraan seseorang pegawai apabila atau selepas mencapai umur empat puluh tahun,

(2) Jika seseorang pegawai yang diJantik sebelum mula berkuatkuasanya seksyen ini bersara di bawah subseksyen (1), pegawai sedemikian bolehlah diberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah hanya apabila mencapai umur—

(a) empat puluh lima tahun bagi—

- (i) seseorang pegawai perempuan;
- (ii) seseorang pegawai perkhidmatan bomba yang berpangkat pegawai rendah dan ke bawah;
- (iii) seseorang pegawai polis yang berpangkat rendah daripada Penolong Penguasa Polis;
- (iv) seseorang pegawai penjara yang berpangkat rendah daripada Penguasa; dan
- (v) seseorang jururawat lelaki di hospital mental; atau

(b) lima puluh tahun bagi seseorang pegawai lelaki, selain daripada pegawai yang disebut dalam subperenggan (ii) hingga (v) perenggan (a).

(3) Jika seseorang pegawai yang dilantik selepas mula berkuatkuasanya seksyen ini bersara dibawah subseksyen (1), pegawai sedemikian

bolehlah diberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah hanya apabila mencapai umur lima puluh lima tahun.

(4) Jika seseorang pegawai yang telah bersara di bawah subseksyen (1) mati sebelum mencapai umur empat puluh lima tahun atau lima puluh tahun atau lima puluh lima tahun, mengikut mana yang berkenaan, Yang di-Pertuan Agong boleh dengan serta-merta memberi kepada orang yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu pencen terbitan tidak kurang daripada satu perlima daripada gaji yang akhir diterima oleh pegawai yang mati itu dan ganjaran terbitan atau ganjaran terbitan sahaja.

(5) Tertakluk kepada seksyen 16, pencen terbitan yang diberi dalam hal-keadaan subseksyen (4) hendaklah kena dibayar selama tempoh tidak melebihi dua belas tahun setengah dari tarikh sebaik sahaja berikutan tarikh kematian pegawai itu; dan selepas itu penerima itu, dengan syarat dia adalah pemastautin di Malaysia, hendaklah terus menerima tujuh puluh peratus dari amaun yang diberikan itu."

6. Seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "demi kepentingan awam" dengan perkataan-perkataan "di bawah seksyen 10(5)(d) atau seksyen 10(5)(f)".

Pindaan  
seksyen 13.

7. Seksyen 23 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 23.

- (a) dengan memotong perkataan "yang" dalam subseksyen (2);
- (b) dengan menggantikan, dalam subseksyen (2), perkataan "11(a)" dengan perkataan-perkataan "11(a)(i) atau 11(b)(i)"; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen baru (3) yang berikut:

"(3) Berkenaan dengan persaraan di bawah seksyen 11(b)(i), subseksyen (2) hendaklah ter-

pakai hanya bagi pegawai-pegawai yang dilantik ke perkhidmatan awam selepas mula berkuatkuasanya subseksyen ini."

---

### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Pencen 1980 (selepas daripada ini disebut "Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda Akta dengan memasukkan seksyen baru 6A bagi memperuntukkan bahawa pegawai-pegawai baru yang dilantik pada atau selepas mula berkuatkuasanya Akta ini, sebelum disahkan dalam jawatannya, akan diberi pilihan untuk memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Sekiranya pegawai berkenaan memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, peruntukan-peruntukan Akta ini, kecuali peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di bawah fasai itu, yang berhubung dengan persaraan paksa dan persaraan di bawah subseksyen (5) seksyen 10 Akta tidaklah terpakai baginya. Pelaksanaan opsyen adalah muktamad.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 8 Akta dengan memasukkan perenggan (c) yang baru bagi memasukkan satu kategori pegawai lain yang disifatkan sebagai pegawai-pegawai berpencen di bawah Akta.

4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 10 Akta bagi memasukkan satu alasan yang lain bagi Yang di-Pertuan Agong atau Pihak Berkuasa Negeri, mengikut mana yang berkenaan, membersarakan seseorang pegawai daripada perkhidmatan awam. Mana-mana pegawai yang, pada masa perlantikannya, telah membuat apa-apa pernyataan atau memberi apa-apa maklumat atau membekalkan apa-apa dokumen yang didapati palsu, silap, tak tepat, tak lengkap, atau mengelirukan atau yang mungkin mengelirukan, boleh dibersarakan di bawah seksyen 10 Akta.

5. *Fasal 5* bertujuan menggantikan seksyen 12 Akta bagi menurunkan umur persaraan pilihan daripada empat puluh lima tahun bagi wanita dan lima puluh tahun bagi lelaki kepada empat puluh tahun bagi wanita dan lelaki. Bagaimanapun, pencen, ganjaran atau lain-lain faedah hanya boleh diberi kepada pegawai-pegawai sedemikian apabila mencapai umur empat puluh lima tahun, atau lima puluh tahun, atau lima puluh lima tahun, mengikut mana yang berkenaan, sebagaimana yang dinyatakan di bawah fasal itu.

6. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 13 Akta bagi menyatakan dengan jelas kuasa untuk membayar pencen, ganjaran atau lain-lain faedah kepada seseorang pegawai yang bersara di bawah seksyen 10(5)(d) dan bagi mengadakan kuasa untuk membayar pencen, ganjaran atau lain-lain faedah kepada seseorang pegawai yang mungkin dibersarakan di bawah seksyen 10(5)(f) yang dicadangkan.

7. *Fasal 7* bertujuan meminda subseksyen (2) seksyen 23 Akta berkaitan dengan kuasa Yang di-Pertuan Agong menggantung pencen seseorang pegawai yang telah dibersarakan atas kehendak Kerajaan di bawah seksyen 11(a)(i) atau 11(b)(i) Akta jika pegawai itu telah melibatkan dirinya dalam apa-apa aktiviti yang mungkin bercanggah dengan tujuan dia dibersarakan. Pindaan ini adalah perlu sebagai sampingan kepada pindaan yang dibuat terdahulu kepada seksyen 11 Akta oleh Akta Pencen (Pindaan) 1986, tetapi sebutan mengenai seksyen 11(b)(i), yang berhubungan dengan pegawai-pegawai negeri, hendaklah terpakai hanya bagi pegawai-pegawai yang dilantik ke perkhidmatan awam selepas mula berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini, kerana tidak terdapat peruntukan yang wujud dalam Akta bagi Yang di-Pertuan Agong menggantung pencen pegawai-pegawai sedemikian pada masa sekarang.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1481.]